

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2020 [RABU]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perincian status pelaksanaan projek Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) sejak 2010 sehingga kini di setiap negeri berserta kos dan tempoh siap. Perincian juga peruntukan kepada setiap negeri menerusi Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan bagi tahun 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) atau sekarang dikenali sebagai Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (PPP) merupakan inisiatif Kerajaan Persekutuan bagi membantu penghuni-penghuni perumahan berstrata kos rendah dan kos sederhana rendah awam dan swasta untuk membaik pulih dan menyenggara harta bersama.

2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah meluluskan sebanyak **1,194** projek PPP dan TPPM di seluruh negara dengan peruntukan berjumlah **RM620.11 juta bagi tempoh RMKe-11 (2016-2020)**. Untuk makluman Yang Berhormat, data lengkap yang telah dikumpul bagi kedua-dua program ini adalah bermula daripada tahun 2016 dan ringkasan kelulusan projek PPP dan TPPM mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan (RM juta)
1.	Selangor	427	301.97
2.	Johor	217	106.87
3.	Pulau Pinang	109	46.26
4.	Sabah	76	29.95
5.	Pahang	58	27.43
6.	Terengganu	38	20.20
7.	Negeri Sembilan	78	20.01
8.	WP Kuala Lumpur	27	17.90
9.	Melaka	58	14.12
10.	Kedah	24	11.10
11.	Perak	51	9.82

Bil.	Negeri	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan (RM juta)
12.	Perlis	9	5.50
13.	Sarawak	10	5.40
14.	WP Labuan	3	1.58
15.	Kelantan	7	1.20
16.	WP Putrajaya	2	0.80
Jumlah		1,194	620.11 juta

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, tempoh penyiapan sesebuah projek adalah berbeza-beza bergantung kepada kos projek, skop projek, keadaan tapak, prestasi kontraktor, input bahan dan lain-lain faktor. Sebagai contoh, penggantian / pembaikan seunit lif boleh memakan masa antara 18 hingga 24 bulan, manakala penggantian tangki air beserta pam boleh mengambil masa antara 6 hingga 12 bulan. Bagi kerja-kerja pembaikan kemudahan awam dan infrastruktur asas seperti mengecat, dataran kejut dan longkang biasanya hanya memerlukan tempoh kerja selama 3 hingga 6 bulan sahaja. Justeru, badan pengurusan dan pihak bertanggungjawab perlu bersama-sama Kerajaan untuk memantau pelaksanaan projek agar boleh disiapkan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

4. Bagi tahun 2021, peruntukan TPPM dan PPP sebanyak RM100 juta telah dimohon kepada Kementerian Kewangan dengan pecahan RM50 juta untuk projek TPPM dan RM50 juta untuk projek PPP. Walau bagaimanapun, peruntukan ini adalah tertakluk kepada kelulusan Belanjawan 2021 yang akan diumumkan kelak.

Sekian, terima kasih.